

08 SEP 1998

NIK AZIZ GEMBIRA MUSTAPA JADI MENTERI KEWANGAN II

KOTA BAHARU, 8 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat melahirkan rasa gembira dengan pelantikan Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan Kedua.

"Sebagai anak Kelantan tidak boleh lari dengan rasa gembira dan berharap tidak menghadapi kesukaran sebagaimana yang dialami sebelum ini," katanya ketika diminta mengulas pelantikan Mustapa yang juga anggota Parlimen Jeli.

Jabatan Perdana Menteri semalam mengumumkan Mustapa dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan Pertama.

Nik Aziz berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sijil kepada 23 pelajar lepasan Ma'ahad Dakwah Wal Imamah, di Nilam Puri.

Beliau berkata Mustapa telah menunjukkan bukti kemampuan bekerja dengan mengambil berat masalah rakyat.

"Yang mana kita perhati semasa dia pegang Kementerian Pembangunan Usahawan, ada aktiviti yang dijalankan," katanya.

Sementara itu tokoh veteran Umno Kelantan, Tan Sri Hussein Ahmad yang ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa, di sini berkata pelantikan Mustapa merupakan penghormatan dan kepercayaan Perdana Menteri terhadap kemampuannya.

--BERNAMA

MNR oba